

Pendidikan dengan Jiwa • Education with Soul



Ahlan Wa Sahlan Ya Ramadan

Perutusan Ramadan 2023M/1444H

Naib Canselor UniSZA

ms 05 • Program Misi Kesukarelawanan PERSIS Lombok, Indonesia

ms 06 • Liputan Media

ms 07 • Aktiviti UniSZA



ms 02

UniSZA rangkul 3 anugerah dalam Anugerah Tokoh SISWA 2022, KPT



ms 03

1,000 pelajar UniSZA iftar bersama pengurusan universiti sempena penyerahan Bakul Rahmah, 'LIVE' di KANTA 744 RTM



ms 04

Bila Bulan dan Zuhrah bertemu!

Ahlan Wa Sahlan Ya Ramadan

Alhamdulillah, Ramadan hampir menjelma. Marilah sama-sama kita menginsafi diri kita seterusnya menjadi yang terbaik dalam kesempatan yang ada dalam menyambut Ramadan al-Mubarak.

Berdoa kepada Allah supaya kita diberikan keberkatan, keimanan, keselamatan untuk kita menjadi benar-benar mampu untuk menempuh Ramadan dengan ibadah. Perbaiki niat, memperbanyakkan berdoa dan membaca Al-Quran, melipatgandakan sedekah serta qiyam antara amalan yang dituntut agama.

Semoga dengan ketibaan Ramadan pada kali ini akan menatijahkan taqwa dalam hati sanubari kita sehingga mendapat mardhatillah yang akhirnya melayakkan kita menjadi hamba yang rabbani. Ingatlah sabda Nabi S.A.W.:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبٍ

Maksudnya: Siapa yang berpuasa dengan penuh keimanan dan mengharapkan keredhaan Allah, maka akan diampunkan segala dosanya yang telah lalu.

Riwayat Al-Bukhari (38)

Marilah bersama-sama kita menjadikan bulan Ramadan al-Mubarak kali ini sebagai Madrasah Rohaniah dan Fikriyyah yang boleh melonjakkan kita ke persada kejayaan.

Prof. Dr. Fadzli bin Adam

Naib Canselor

Universiti Sultan Zainal Abidin



UniSZA rangkul 3 anugerah dalam Anugerah Tokoh SISWA 2022, Kementerian Pengajian Tinggi



20 Mac 2023 | Putrajaya

3 Finalis dari UniSZA berjaya merangkul anugerah di Majlis Anugerah Tokoh Siswa 2022, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)

1. **Anugerah Kepimpinan Kebudayaan**
Muhammad Aizuddin Harif
2. **Anugerah Kepimpinan Wacana Intelek** Nur Ain Mohd Sabirin
3. **Anugerah Fakulti / Persatuan / Kelab Terbaik**
Kelab Citra Puisi (KERISZ)



klik di sini untuk berita lanjut



1,000 pelajar UniSZA iftar bersama pengurusan universiti sempena penyerahan Bakul Rahmah, ‘LIVE’ di Kanta 744 RTM

27 Mac 2023 | Kuala Nerus: Seramai 1,000 orang pelajar UniSZA berbuka puasa bersama Pengurusan Universiti bertempat di Masjid UniSZA.

Program berbuka puasa tersebut diadakan bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara Pengurusan Universiti bersama para pelajar UniSZA.

Turut diadakan dalam majlis tersebut ialah Majlis Penyampaian Bakul Rahmah kepada 50 orang pelajar UniSZA yang tinggal di luar kampus yang disumbangkan oleh Yayasan Yara dan Mawaddah Food Bank UniSZA. Sesi penyerahan Bakul Rahmah tersebut juga telah disiarkan secara langsung dalam rancangan KANTA 744 RTM melalui saluran berita RTM TV1.



Bila Bulan dan Zuhrah bertemu!



24 Mac 2023 | Setiu

Pakar UnisZA serta Program Penghijaban Zuhrah oleh Bulan anjuran Pejabat Mufti Terengganu dan Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI), UnisZA dengan Kerjasama Balai Cerap Teluk Kemang, Negeri Sembilan dan Falak Online.

klik di sini untuk berita lanjut



Program Misi Kesukarelawanan PERSIS 2023: Lombok, Indonesia



Lombok, Indonesia - Program Misi Kesukarelawanan PERSIS ini dilaksanakan selama 14 hari bermula 23 Februari sehingga 8 Mac 2023. Melibatkan seramai 30 orang mahasiswa PERSIS UniSZA termasuk 10 orang mahasiswa Universitas Islam Negeri Mataram.

Objektif program antarabangsa adalah untuk meningkatkan kemahiran mahasiswa dan membina jaringan komunikasi sosial bersama diantara dua buah negara serantau.



klik di sini untuk berita lanjut





Liputan Media UniSZA

Hidangan tengah hari berharga RM3.50 sahaja [METROTV]

Hidangan tengah hari berharga RM3.50 sahaja [METROTV]

Mohd Muhamad amghansar.com.my

Kuala Terengganu. Hanya RM3.50, ini sahaja harga yang perlu dibayar penuntut Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) bagi mendapatkan hidangan tengah hari sepinggan nasi berlauk ayam atau ikan, seyur dan air sejuk di Kafe Ciliu Anung Ria, Fakulti Kontemporari Islam UniSZA, di Gong Badak, di sini.

[Link](#)

When moon meets Venus! [Free Malaysia Today]

Free Malaysia Today - Follow
March 24 at 10:05 PM · 5

When moon meets Venus!

Mang Manaf and 316 others
17 comments 48 shares

[Link](#)

Warga SMK Belawai raikan kejayaan pemenang Anugerah Kepimpinan Kebudayaan KPT 2022 [Sinar Harian]

Sinar Harian

Kejayaan Muhammad Aizuddin Harif diraikan dengan penuh kegembiraan oleh warga SMK Belawai.

#sinarbestari #pendidikan

SINARBESTARI.SINARHARIAN.COM.MY

Warga SMK Belawai raikan kejayaan pemenang Anugerah Kepimpinan KPT 2022

[Link](#)

Siaran langsung Kanta 744 RTM sempena Majlis peyampaian Bakul Rahmah UniSZA

Universiti Sultan Zainal Abidin - FB Rasmi
1d - 0

Siaran langsung Kanta 744, Rtm Tv1 di Masjid UniSZA bersempena Majlis Penyerahan Bakul Rahmah UniSZA kepada Pelajar Luar Kampus dan Majlis Berbuka Puasa.

KANTA 744

Penyampaian Bakul Rahmah KEPADA PELAJAR LUAR KAMPUS & BERBUKA PUASA

SIARAN LAGUJINGO BERITA K

27 MAC 2023

PENYAMPAIAN BAKUL RAHMAT KEPADA PELAJAR UNISZA

GANTARAE - LANDUNG, KUALA TERENGGANU

19:50 23 | 27.03.2023 TERBLIH APABILA TAUFAN BADAI MISSISSIPPI TURKIYE KUTUK TINDAKAN C

17 2 shares

[Link](#)

Aktiviti UniSZA

Majlis perbarisan badan beruniform UniSZA semester 2 sesi 2022/2023



Sesi Taklimat Kewangan dan Pembangunan Berdasarkan Belanjawan 2023 UniSZA Bersama YB Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi



5th Besut Campus Night Run Challenge 2023



Hebahan & Iklan

Broadcast & Ads



**IKLAN JAWATAN KOSONG
STAF HOSPITAL PENGAJAR UniSZA**

KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL & PELAKSANA

Universiti Sultan Zainal Abidin ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan TETAP/KONTRAK di Hospital Pengajar UniSZA (HPUniSZA) seperti berikut:

PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT	GRED F41
PENJAGA JENTERA ELEKTRIK	GRED J19

SILA RUJUK IKLAN UNTUK MAKLUMAT LANJUT

CARA MEMOHON:

- * Imbas KOD QR : atau
- Layari Laman Sesawang UniSZA : atau
- Layari <https://ejawatan.unisza.edu.my/jaw2/borang.php>

Sebarang peranyaan sila hubungi:
09-665 5555 atau
09-668 8843/8848

Jika terdapat masalah teknikal semasa pengisian sila hubungi:
09-668 8843/8848

TARIKH PERMOHONAN: **28 MAC - 1 APRIL 2023**

CCaCS



SUMBANGAN Iftär & Moreh
Ramadhan 2023/1444H
untuk Siswa/Siswi dalam kategori B40

23 Mac 2023 - 20 April 2023

Sebanyak RM1,818 diperlukan setiap hari sepanjang bulan Ramadhan 1444H untuk kami menyediakan juadah berbuka puasa untuk 303 orang pelajar beragama Islam dalam kategori B40.

Sabda Rasulullah SAW :

"Siapa yang menyediakan makanan berbuka buat orang yang berpuasa, maka dia mendapat pahala seperti orang yang berpuasa itu dan tidak dikurangkan sedikit pun dari pahala orang yang berpuasa itu."

-Hadis Riwayat Al-Tirmizi (No. 807)

Sebarang pertanyaan :
sila hubungi Staf Pusat Islam UniSZA Kampus Besut di talian :
09-6993276/016-2032016 (Ust. Noor Aminuddin)

Pusat Islam UniSZA Kampus Besut

MALAYSIA MADANI

UniSZA Bookstore



Pengantar Hukum Syarak Teori dan Aplikasi (2022)

Buku ini sesuai untuk dijadikan sumber rujukan tambahan kepada para pelajar dalam memberikan kefahaman berkaitan teori hukum syarak yang dipelajari di peringkat pengajian tinggi dan menengah atas. Ia turut sesuai untuk bacaan umum bagi mereka yang ingin mendalami perbincangan dalam ilmu usul fiqh kerana perbahasan berkenaan hukum syarak ini merupakan pengenalan awal sebelum para penuntut ilmu mempelajari dengan lebih mendalam kaedah-kaedah dan permasalahan-permasalahan dalam ilmu usul fiqh.

klik di sini untuk beli



e-Buletin **UnisZA times**

Pendidikan dengan Jiwa • Education with Soul

Edisi 05 | Mac 2023

CoRM | PUSAT KOMUNIKASI KORPORAT
& PENGURUSAN PERHUBUNGAN